

EK91200001

25 September 2019

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan RSPO ke Kretam Holdings Berhad, Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Unit Pensijilan Silimpoon

Kretam Holdings Berhad memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for Sustainable Palm Oil Production).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Kretam Holdings Berhad, Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Unit Pensijilan Silimpoon

Berikut adalah maklumat mengenai Kretam Holdings Berhad, Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Unit Pensijilan Silimpoon dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. (No. Keahlian: 1-0098-11-000-00 / No. ID RSPO: RSPO_PO1000007945) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd:

Kretam Holdings Berhad (KHB) diperbadankan pada 4 Februari 1988 dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 18 Januari 1989. KHB telah menjadi ahli RSPO sejak 16 September 2015 dan memiliki lading di Sandakan dan Lahad Datu, Sabah. Kegiatan utama Kumpulan KHB adalah:

- a) Ladang kelapa sawit
- b) Pengeluaran dan penjualan:
 - i) Produk kelapa sawit
 - ii) Produk minyak sawit yang ditapis
 - iii) Minyak kelapa sawit yang diproses
 - iv) Baja
- c) Pemegangan pelaburan

Kumpulan KHB mempunyai 23,873 hektar tanah perladangan, 3 kilang minyak kelapa sawit, kilang penapisan dan kilang baja.



ISO/IEC 17021-1:2015 QS 02121999 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 EMS 17122002 CB 02
ISO/IEC 17065:2012 PC 05102004 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 OSH 06122005 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 HACCP 05052008 CB 03
ISO/TS 22003:2013 FSMS 23122008 CB 01
MS ISO/IEC 17021:2011 FMC 10122009 CB 02
MS ISO/IEC 27006:2011 ISMS 17022011 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 E-AMS 03012014 CB 01
ISO/IEC 17021-1:2015 MDQMS 30092015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 GMP 09102015 CB 04
ISO/IEC 17021-1:2015 MSPO 25072017 CB 05
ISO/IEC 17024:2012 PS 09032017 CB 03

MS ISO/IEC 17025
CALIBRATION / TESTING
SAMM NO 085 SAMM NO 086
SAMM NO 087 SAMM NO 219

MS ISO/IEC 17020
MIBAS NO. 003

074

Halaman 1 dari 4

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan audit di Kretam Holdings Berhad, Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Unit Pensijilan Silimponon bermula dari 29 Oktober 2019 sehingga 30 Oktober 2019. Standard RSPO Principle & Criteria MYNI, 2014 dan Standard RSPO Supply Chain 2014 (Revised June 2017) adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Kretam Holdings Berhad, Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Unit Pensijilan Silimponon terletak di Tawau, Sabah, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Dzulfiqar Azmi	Ketua Juruaudit / Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Isu Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki Ijazah Perladangan dan Teknologi Pengurusan (Kepujian) - Universiti Teknologi MARA • Pengalaman selama lebih 6 tahun bekerja berkaitan dengan Ladang Kelapa Sawit • Berjaya menamatkan Ketua Juruaudit Integrated Management Systems (IMS) ISO 9001, ISO 14001 & ISO 45001 Exemplar Global Certified • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Auditor oleh David Ogg.
Rozaimée Ab Rahman	Juruaudit / Isu Amalan Perladangan Baik (GAP) dan Isu Supply Chain	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki Diploma Perikanan - Universiti Putra Malaysia. • Memiliki Ijazah (kepujian) sains Pertanian - Universiti Putra Malaysia. • Pengalaman selama lebih 5 tahun bekerja berkaitan dengan kelapa sawit. • Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO. • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS. • Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS. • Berkhidmat sebagai pembantu pengurus ladang IOI Plantation Sdn Bhd (2012-2015), Yayasan Pahang Plantation (2015-2016).
Ismail Adnan	Juruaudit / Isu HCV dan Isu Sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Memiliki Diploma Perhutanan - Institut Teknologi MARA • Memiliki Ijazah (Kepujian) Dalam Perhutanan - Universiti Washington U.S.A • Pengalaman 12 tahun di kawasan berkaitan hutan sebagai Pegawai Pengurusan Hutan sejak tahun 1974 • Mengumpul lebih daripada 65 hari dalam pengauditan MC & I (2016) sebagai juruaudit hutan • Menghadiri latihan Kursus Latihan Juruaudit RSPO P&C pada Oktober 2016 • Berjaya menamatkan kursus EMS 14001: 2004 Kursus Ketua Juruaudit, November 2015.

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan :

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada:

Kamini A/P Sooriamorthy

atau **Mohd Masran Bin Hamzah**

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,
No. 1, Persiaran Dato' Menteri,
40700 Shah Alam, Selangor,
Malaysia.


Ketua Sumber Manusia & Kelestarian
Kretam Holdings Berhad
Lot 6, Block 44, Leboh Tiga, P.O. Box 1292,
90714, Sandakan,
Sabah,
Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448
Faks : +603 5544 6763
Email : kamini@sirim.my

Telefon : +6089 218999
Faks : +6089 275777
Email : masran@kretam.com

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



(KAMINI A/P SOORIAMORTHY)
Ketua Seksyen,
Makanan, Pertanian & Perhutanan
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Maklumat mengenai Kretam Holdings Berhad, Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Unit Pensijilan Silimpocon

KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Kilang	Kapasiti Kilang (MT/Jam)	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)	
		Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel
Syarikat Kretam Mill Sdn Bhd - Silimpocon Mill	45	P.O. Box 62333, 91033 Tawau, Sabah.	E 117°28' 38.2	N 4°19' 31.9	52,846.00	10,708.00
LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA						
Nama Ladang	Lokasi	Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		Purata Pengeluaran Tahunan (MT)
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	
Silimpocon 1 Estate	KM 128, Tawau Kalabakan Highway Mukim Sg. Silimpocon 91000 Tawau Sabah	E 117°27' 32.88	N 4°19' 44.76	3,934.82	2,884.90	63,000.00
Jumlah				3,934.82	2,884.90	63,000.00